



5 April 2019
5 April 2019
P.U. (B) 176

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) prosiding jenayah yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu suatu kesalahan di bawah artikel 324-1, 324-2, 324-3, 324-4, 324-5, 324-6, 324-7, 324-8 dan 432-15 Kanun Jenayah Perancis telah dimulakan di Republik Perancis, suatu Negara asing;
- (b) Kementerian Kehakiman Republik Perancis telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubungan dengan Republik Perancis; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Republik Perancis berhubungan dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Datuk Liew Vui Keong, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubungan dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubungan dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Republik Perancis tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 25 Mac 2019
[PN(RB)152/185/29/7-14; PN(PU2)628/XI]

DATUK LIEW VUI KEONG
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) criminal proceedings relating to a criminal matter involving foreign serious offences, that are offences under articles 324-1, 324-2, 324-3, 324-4, 324-5, 324-6, 324-7, 324-8 and 432-15 of the French Criminal Code have commenced in the Republic of France, a foreign State;
- (b) the Ministry of Justice of the French Republic has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to the Republic of France; and
- (d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to the Republic of France in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Datuk Liew Vui Keong, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of the Republic of France an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 25 March 2019
[PN(RB)152/185/29/7-14; PN(PU2)628/XI]

DATUK LIEW VUI KEONG
Minister in the Prime Minister's Department